

Lesen memandu tak perlu diperbaharui sepanjang PKP

Malaysiakini

24 Mac 2020

Semua pemegang lesen memandu boleh terus mengendalikan kenderaan sepanjang tempoh perintah kawalan pergerakan (PKP), maklum Menteri Pengangkutan Wee Ka Siong.

Bagaimanapun, katanya pemandu disyorkan untuk sentiasa membawa salinan dokumen insurans.

"Para pemandu dinasihatkan supaya membawa salinan sijil perlindungan atau e-cover note insurans ketika memandu sepanjang tempoh PKP.

"Ini bermakna, sesiapa yang mempunyai lesen memandu yang sudah luput masih boleh menggunakan kenderaan masing-masing dengan syarat kenderaan tersebut wajib memiliki perlindungan insurans yang sah.

"Namun begitu, para pemegang lesen perlu memperbaharui lesen masing-masing dalam tempoh 30 hari selepas PKP diisytiharkan berakhir," katanya.

Wee berkata arahan ini berkuat kuasa mulai esok.

Semalam, Jabatan Pengangkutan Jalan telah menutup kaunter memperbaharui lesen kerana ramai orang beratur.

Pembaharuan masih boleh dilakukan di laman web MyEG dan JPJ.

Sementara itu, Wee berkata pemeriksaan kenderaan Puspakom dan ujian kesihatan terhadap pemegang lesen kenderaan berat (GDL) tidak perlu dibuat sepanjang tempoh PKP.

Wee berkata arahan ini untuk memastikan rantaian bekalan, terutamanya makanan, tidak terganggu semasa tempoh PKP.

Menteri mendedahkan terdapat 2,753 pemegang lesen GDL yang ditetapkan akan tamat tempoh lesennya antara 24 Mac dan 31 Mac.

Beliau menegaskan pemilik kenderaan berat yang berada di atas jalan raya mesti memastikan kenderaan itu diinsuranskan.

Copyright © 1999-2012 Mkini Dotcom Sdn. Bhd

Source: <https://www.malaysiakini.com/news/516590>